

# Nazir dipilih Tokoh CEO ASEAN 2013

**Ketua** Eksekutif Kumpulan CIMB Group, Datuk Seri Nazir Razak, dipilih Tokoh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tahun Ini pada Anugerah Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia - ASEAN 2013 baru-baru ini.

Pada acara itu yang dianjurkan Kumpulan Pegawai Pemegang Saham Minoriti (MSWG), Nazir dipilih daripada kalangan personaliti daripada 20 syarikat terkemuka berdasarkan kepemimpinan cemerlang dalam amalan tadbir urus korporat.

Beliau mengungguli kriteria seorang CEO, iaitu berwawasan dan dinamis, di samping memperlihatkan kemahiran keusahawanan yang kukuh, yang memacu agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus bagi CIMB Group.

MSWG juga mendapati bahawa beliau memperlihatkan pengaruh langsung dalam memacu Kumpulan itu di peringkat global, berdasarkan prestasi kewangan syarikat, serta kemahiran dan pengetahuannya yang mendalam ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh pemegang saham minoriti pada Mesyuarat Agung Tahunan syarikat itu.

## Anggap pengiktirafan unik

"Ini sesungguhnya adalah pengiktirafan unik dan saya benar-benar berbangga merimanya, sebagai penerima sulung.

"Mencapai kecemerlangan dalam bidang tadbir urus korporat dan perhubungan masyarakat memang penting bagi saya. Saya gembira ini sudah diiktiraf MSWG, yang usahanya amat saya sambung."

"Saya harap anugerah ini menggalakkan mereka yang lain untuk menjelaki jalan ini kerana ini akan menjadikan korporat Malaysia lebih baik dan lebih seimbang," kata Nazir dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Bersama kejayaan Nazir itu, CIMB Group juga memenangi anugerah bagi Ketelusan Tadbir Urus, Tadbir Urus Korporat Keseluruhan, serta Agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Terbaik. Pemenang ditentukan berdasarkan kaedah kad skor CG Asean.

Sebelum ini, CIMB Group juga menang Anugerah Cemerlang dalam Anugerah Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia yang julung-julung kali diadakan oleh MSWG pada 2009.

CIMB Group ialah penyedia perkhidmatan kewangan kedua terbesar di Malaysia dan satu daripada kumpulan perbankan universal terkemuka ASEAN.

BERNAMA